

3756/1  
Prinsip Perakaunan  
Kertas 1  
1¼ jam

Nama: \_\_\_\_\_

Tingkatan: \_\_\_\_\_



---

## MODUL 2

# ULANGKAJI KECEMERLANGAN BERFOKUS

## SPM 2020

---

### PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf A, B, C dan D. Bagi tiap-tiap soalan pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*

**Kertas soalan ini mengandungi 17 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak**

- 1 Berikut merupakan sebahagian daripada kitaran perakaunan.



Apakah **X** di atas?

- A Lejar
  - B Pelarasan
  - C Catatan Penutupan
  - D Buku Catatan Pertama
- 2 Antara berikut, manakah **bukan** merupakan kepentingan sistem maklumat perakaunan kepada entiti perniagaan?
- A Mengumpul dan menyimpan data mengenai transaksi perniagaan
  - B Menyediakan kawalan untuk menjaga keselamatan aset perniagaan
  - C Menjamin peluang pekerjaan yang lebih luas dalam bidang perakaunan
  - D Memproses data untuk menjana maklumat kepada pengguna Penyata Kewangan dan pembuat keputusan
- 3 Situasi berikut berkaitan dengan suatu prinsip perakaunan.

Syarikat Canggih Bhd menggunakan kaedah penilaian semula untuk mengira susut nilai aset bukan semasa bagi setiap tempoh perakaunan

Berdasarkan situasi di atas, apakah prinsip perakaunan yang dipatuhi oleh syarikat tersebut?

- A Ketekalan
- B Prinsip kos
- C Wang sebagai ukuran
- D Pengiktirafan hasil dan belanja

4 Pilih padanan yang betul.

	<b>Milikan Tunggal</b>	<b>Perkongsian</b>
<b>A</b>	Modal disumbangkan oleh pemilik	Modal disumbangkan oleh pekongsi aktif
<b>B</b>	Liabiliti tidak terhad	Liabiliti terhad
<b>C</b>	Diuruskan oleh pemilik	Diuruskan oleh pekongsi aktif
<b>D</b>	Untung dinikmati sepenuhnya oleh pemilik	Untung atau rugi akan diagihkan kepada pekongsi aktif

5 Penyata Kewangan mempunyai beberapa ciri kualitatif. Pilih ciri kualitatif yang betul.

- I** Kebolehbandingan
- II** Kerelevanan
- III** Kebolehfahaman
- IV** Perwakilan benar
- A** I dan II
- B** I dan III
- C** II dan III
- D** II dan IV

6 Pilih padanan yang betul bagi komponen kos jualan bagi entiti perniagaan berikut

	<b>Kedai Runcit Dolah</b>	<b>Klinik Pergigian Jane</b>
<b>A</b>	Belian barang runcit	Belian ubat
<b>B</b>	Belian barang runcit	Belian alatan pergigian
<b>C</b>	Upah belian barang runcit	Upah pembantu klinik
<b>D</b>	Upah pembantu kedai	Upah pembantu klinik

7. Urus niaga berikut berlaku dalam Kedai Komputer Yayasan.

Menjelaskan hutang sepenuh kepada Ting Enterprise berjumlah RM1 400 dengan cek bernilai RM1 200.


Apakah kesan urus niaga di atas terhadap Penyata Kedudukan Kewangan Kedai Komputer Yayasan?

	<b>Aset</b>	<b>Liabiliti</b>	<b>Ekuiti Pemilik</b>
<b>A</b>	1 200	1 400	200
<b>B</b>	(1 200)	(1 400)	200
<b>C</b>	(1 200)	(1 400)	(200)
<b>D</b>	(1 200)	1 400	(200)

8. Padanan manakah yang betul?

	<b>Akaun Berkaitan</b>	<b>Catatan Kontra</b>
<b>A</b>	Belian	Pulangan Masuk
<b>B</b>	Jualan	Pulangan Keluar
<b>C</b>	Lengkapan	Susut Nilai Lengkapan
<b>D</b>	Akaun Belum Terima	Peruntukan Hutang Ragu

9. Aliran dokumen yang berikut berlaku dalam urus niaga secara kredit.



Apakah Y ?

- A** Invois
- B** Bil tunai
- C** Nota debit
- D** Nota kredit

- 10** Puan Mariana menghantar ringkasan urus niaga yang berlaku antara beliau dengan pembelinya pada akhir setiap bulan.

Apakah dokumen yang dihantar oleh Puan Mariana?

- A** Invois
  - B** Nota Debit
  - C** Penyata Akaun
  - D** Nota Makluman
- 11** Urus niaga manakah yang dicatatkan dalam Jurnal Am?
- I** Mengambil barang niaga untuk kegunaan keluarga
  - II** Belian dan jualan aset bukan semasa secara kredit
  - III** Belian dan jualan barang niaga secara kredit
  - IV** Ambilan tunai
- A** I dan II
  - B** I dan III
  - C** II dan III
  - D** II dan IV
- 12** Kedai Runcit Ziana menerima nota kredit bernilai RM400 daripada Pembekal Zain. Apakah buku catatan pertama yang digunakan oleh Kedai Runcit Ziana untuk merekodkan maklumat daripada nota kredit tersebut?
- A** Jurnal Jualan
  - B** Jurnal Belian
  - C** Jurnal Pulangan Jualan
  - D** Jurnal Pulangan Belian

13 Apakah akaun yang direkodkan dalam Lejar Subsidiari?

- I Akaun Hasil
- II Akaun Belanja
- III Akaun Belum Bayar
- IV Akaun Belum Terima
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

14 Petikan Buku Tunai berikut diperolehi daripada sebuah perniagaan.

<b>Buku Tunai</b> (Kt.)				
<b>Tarikh</b>	<b>Butir</b>	<b>Diskaun</b>	<b>Tunai</b>	<b>Bank</b>
2020		RM	RM	RM
Okt. 10	Azman Enterprise	250		

Akaun yang manakah menunjukkan catatan yang **betul** untuk pengeposan diskaun tunai ke lejar?

- A**
- | <b>Akaun Diskaun Diterima</b> |                   |     |  |
|-------------------------------|-------------------|-----|--|
| 2020                          |                   | RM  |  |
| Okt.31                        | Akaun Belum Bayar | 250 |  |
- B**
- | <b>Akaun Diskaun Diberi</b> |                    |     |  |
|-----------------------------|--------------------|-----|--|
| 2020                        |                    | RM  |  |
| Okt.31                      | Akaun Belum Terima | 250 |  |
- C**
- | <b>Akaun Diskaun Diterima</b> |                   |     |  |
|-------------------------------|-------------------|-----|--|
| 2020                          |                   | RM  |  |
| Okt.31                        | Akaun Belum Bayar | 250 |  |
- D**
- | <b>Akaun Diskaun Diberi</b> |                    |     |  |
|-----------------------------|--------------------|-----|--|
| 2020                        |                    | RM  |  |
| Okt.31                      | Akaun Belum Terima | 250 |  |

- 15 Petikan akaun yang berikut diperolehi daripada sebuah perniagaan.

<b>Akaun Kawalan Belum Terima</b>					
2020		RM	2020		RM
Jun 1	Baki b/b	20 800	Jun 30	Tunai	41 600
				Diskaun diberi	2 560
				Baki h/b	17 600

Berapakah jualan kredit?

- A RM17 600  
 B RM20 800  
 C RM40 960  
 D RM61 760
- 16 Antara yang berikut, yang manakah kesilapan catatan dalam Imbangan Duga?

	<b>Butir</b>	<b>Debit (RM)</b>	<b>Kredit (RM)</b>
<b>I</b>	Jualan		160
<b>II</b>	Angkutan masuk	100	
<b>III</b>	Pulangan jualan		500
<b>IV</b>	Diskaun diterima	900	

- A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV

17 Imbangan Duga berikut diperoleh daripada Perniagaan Indah

**Imbangan Duga pada 31 Disember 2019**

<b>Butir</b>	<b>Debit RM</b>	<b>Kredit RM</b>
Belian dan Jualan	58 500	76 950
Akaun Belum Terima	9 820	
Akaun Belum Bayar		11 280
<b>X</b>		6 040

Apakah butir bagi **X** ?

- A Sewa
- B Ambilan
- C Belanja Am
- D Pulangan Jualan

18 Butir yang manakah direkodkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan?

- A Promosi
- B Komisen
- C Inventori Awal
- D Inventori Akhir



- 19 Petikan Penyata Kedudukan Kewangan berikut diambil daripada buku perniagaan Kawan Book Store.

**Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2020**

	RM	RM	RM
<b><u>Aset Bukan Semasa</u></b>			
Lengkapan			17 450
 <b><u>Aset Semasa</u></b>			
Inventori Akhir		8 200	
Akaun Belum Terima		4 600	
Insurans Prabayar		80	
 <b><u>Liabiliti Semasa</u></b>			
Bank	440		
Akaun Belum Bayar	3 320		

Berapakah modal kerja perniagaan tersebut?

- A RM4 570
  - B RM9 120
  - C RM16 640
  - D RM30 330
- 20 Di bahagian manakah Promosi Belum Bayar direkodkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan?
- A Liabiliti Semasa
  - B Ekuiti Pemilik
  - C Aset Semasa
  - D Liabiliti Bukan Semasa

21 Akaun di bawah diperoleh daripada buku sebuah perniagaan.

<b>Akaun Komisen Diterima</b>					
<b>2008</b>		<b>RM</b>	<b>2008</b>		<b>RM</b>
Jan 1	<b>P</b>	11 850	Dis 31	<b>Q</b>	17 000
Dis 31	Baki h/b	5 150			
		17 000			17 000
			Jan 1	Baki b/b	5 150

Apakah yang diwakili oleh **P** dan **Q**?

	<b>P</b>	<b>Q</b>
<b>A</b>	Bank	Perdagangan
<b>B</b>	Perdagangan	Bank
<b>C</b>	Bank	Untung Rugi
<b>D</b>	Untung Rugi	Bank

22 Apakah yang dimaksudkan hutang lapuk terpulih?

- A** Hutang lapuk dihapuskan
- B** Hutang yang akan dikutip
- C** Hutang yang dikutip semula setelah dihapuskan
- D** Hutang yang dianggarkan tidak dapat dikutip sepanjang tempoh perakaunan

23 Berikut adalah petikan dari Imbangan Duga

**Imbangan Duga pada 31 Mac 2020**

<b>Butir</b>	<b>Debit RM</b>	<b>Kredit RM</b>
Perabot	80 000	
Lengkapan	17 500	
Susut Nilai Berkumpul Perabot		8 000
Susut Nilai Berkumpul Lengkapan		1 750
Belian	16 000	

**Maklumat tambahan :**

Susut nilai perabot ditetapkan 10% setahun mengikut garis lurus manakala susut nilaiengkapan ditetapkan 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

Berapakah susut nilaiengkapan bagi tahun berakhir 31 Mac 2020?

- A RM175
- B RM1 575
- C RM1 750
- D RM 3 325

**Soalan 24 dan 25 mengikut kenyataan di bawah**

Mutiara Sdn. Bhd. membeli sebuah kereta pada 1 Januari 2016 dengan harga RM70 000. Pada 1 Januari 2018, perniagaan membeli sebuah van pula dengan harga RM60 000. Kedua-dua kenderaan ini disusutnilaikan 10% setahun mengikut kaedah garis lurus. Pada 31 Disember 2019, kereta tersebut telah dijual dengan harga RM35 000.

24 Berapakah susut nilai terkumpul yang direkodkan dalam Akaun Pelupusan Kenderaan?

- A RM18 000
- B RM21 000
- C RM28 000
- D RM52 000

25 Pilih catatan yang **betul** bagi Akaun Kenderaan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019

<b>A</b>	<b><u>Aset Bukan Semasa</u></b>	
	Kenderaan	RM60 000
	- Susut Nilai Berkumpul Kenderaan	RM12 000
		<u>RM48 000</u>
<b>B</b>	<b><u>Aset Bukan Semasa</u></b>	
	Kenderaan	RM60 000
	- Susut Nilai Berkumpul Kenderaan	RM6 000
		<u>RM54 000</u>
<b>C</b>	<b><u>Aset Bukan Semasa</u></b>	
	Kenderaan	RM130 000
	- Susut Nilai Berkumpul Kenderaan	RM40 000
		<u>RM90 000</u>
<b>D</b>	<b><u>Aset Bukan Semasa</u></b>	
	Kenderaan	RM130 000
	- Susut Nilai Berkumpul Kenderaan	RM33 000
		<u>RM97 000</u>

26 Manakah kesilapan yang memberi kesan terhadap untung bersih?

- I Ambilan tunai bernilai RM120 terlupa rekod
  - II Kadar bayaran terkurang rekod RM650
  - III Tunai runcit terlebih nilai RM780
  - IV Promosi terlebih rekod RM670
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV

27 Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Mentera Berhad.

Tahun	Nisbah Semasa
2019	2 : 3
2020	2 : 1

Tafsirkan prestasi syarikat bagi tahun 2020 berbanding tahun 2019.

- A Merosot dan tidak mampu membayar hutang
  - B Meningkatkan ke tahap kecairan yang paling baik
  - C Merosot tetapi masih mampu membayar hutang
  - D Meningkatkan terlalu tinggi dan kurang memberi pulangan
- 28 Antara berikut, yang manakah menyebabkan rekod perakaunan tak lengkap?
- I Menyimpan hanya rekod Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar
  - II Mencatat di buku tunai sahaja
  - III Merekod menggunakan sistem catatan bergu
  - IV Mencatat di buku catatan pertama dan pindahan ke lejar
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 29 Maklumat berikut diambil daripada buku Perniagaan Ramlan.

	RM
Modal pada 1 Januari 2019	42 600
Modal pada 31 Disember 2019	47 600
Ambilan sepanjang tahun 2019	3 520

Berapakah untung atau rugi perniagaan?

- A Rugi RM1 480
- B Rugi RM8 520
- C Untung RM1 148
- D Untung RM8 520

30 Apakah tujuan sesebuah perniagaan mengamalkan sistem kawalan tunai?

- A Mendapat keuntungan
- B Memperoleh jualan yang maksimum
- C Mempunyai aliran tunai yang mencukupi
- D Menyimpan tunai yang banyak di tangan

31 Petikan Penyata Bank dan Buku Tunai berikut diperoleh daripada buku kedai Tee.

**Penyata Bank (petikan)**

Tarikh	Butir	No.Cek	Wang keluar (Debit)	Wang masuk (Kredit)	Baki
2020 Mac 17	Deposit	00113	RM	RM 160	RM

**Buku Tunai ( Ruangan Bank )**

2020		RM	
Mac 12	Jualan (00113)	610	

**Maklumat tambahan:**

Jumlah jualan tersalah catat dalam Buku Tunai.

Apakah catatan yang perlu dibuat untuk mengemaskini Buku Tunai?

- A Debit RM160
- B Debit RM450
- C Kredit RM450
- D Kredit RM610

32 Perniagaan perkongsian tertakluk kepada Akta Perkongsian 1961. Pernyataan manakah yang tidak terdapat dalam akta tersebut?

- A Faedah tidak dibayar atas modal pekongsi
- B Pekongsi tidak dibenarkan membuat ambilan
- C Untung atau Rugi dibahagi sama rata antara pekongsi
- D Pekongsi yang menguruskan perniagaan tidak berhak menerima gaji

- 33 Apakah butiran yang direkod di sebelah kredit Akaun Semasa pekongsi ?
- I Ambilan Pekongsi
  - II Gaji Pekongsi
  - III Faedah Atas Modal
  - IV Faedah Atas Ambilan
- A I dan III
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D II dan IV
- 34 Antara berikut yang manakah **bukan** sebab pembubaran sesebuah perkongsian.
- A Berlaku kematian, ketidaksiuman atau kebankrapan pekongsi.
  - B Atas perintah mahkamah.
  - C Perkongsian mengalami kerugian.
  - D Tempoh perkongsian yang ditetapkan dalam ikatan perkongsian telah tamat.
- 35 Berikut ialah petikan Penyata Kedudukan Kewangan Syarikat Mesra Berhad pada 31 Disember 2019

**Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2019 (petikan)**

	RM
<b><u>Ekuiti Pemilik</u></b>	
<b><u>X</u></b>	
6 000 000 unit 8% Syer Keutamaan	12 000 000
5 000 000 unit Syer biasa	5 000 000
	17 000 000

Apakah **X**?

- A Modal dibenarkan dan Berbayar Penuh
- B Modal diterbitkan dan Berbayar Penuh
- C Modal dibenarkan
- D Modal diterbitkan

**36** Antara berikut yang manakah ciri-ciri syer keutamaan?

- I Berhak mengundi dalam Mesyuarat Agung Tahunan
  - II Berhak menuntut dividen tunggakan
  - III Kadar dividen bergantung kepada keuntungan syarikat
  - IV Mendapat dividen sebelum pemegang syer biasa
- A** I dan II
  - B** I dan IV
  - C** II dan III
  - D** II dan IV

**37** Antara berikut, yang manakah akan direkodkan di bahagian debit Akaun Penerimaan dan Pembayaran?

- I Kutipan sukaneka
  - II Yuran Pendaftaran
  - III Honorarium
  - IV Kursus dan motivasi
- A** I dan II
  - B** I dan IV
  - C** II dan III
  - D** II dan IV



- 38 Maklumat di bawah dipetik daripada buku Kelab Golf Taman Desa pada 1 Januari 2020.

	<b>RM</b>
Alatan sukan	14 000
Rumah kelab	140 000
Kelengkapan	8 600
Yuran belum terperoleh	1 700
Yuran belum terima	2 700
Tunai di tangan	1 780
Overdraf bank	6 400

Berapakah dana terkumpul awal kelab tersebut?

- A RM 158 980  
 B RM 164 380  
 C RM 167 080  
 D RM 173 480
- 39 Butir manakah akan direkodkan sebagai komponen kos prima?
- A Gaji penyelia kilang  
 B Hak cipta produk  
 C Elektrik dan air kilang  
 D Insurans kilang
- 40 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Asmah bagi tahun berakhir 31 Disember 2019.

Tokokan	25%
Jualan	RM250 000

Berapakah untung kasar bagi Perniagaan Asmah?

- A RM187 500  
 B RM150 000  
 C RM62 500  
 D RM50 000

### KERTAS SOALAN TAMAT

